

Persiapan urus bencana

Pengurusan bencana merupakan satu bidang yang perlu diberi perhatian serius seperti mana yang dilakukan oleh Amity Universe menerusi penganjuran kursus-kursus berkaitan dengan pengurusan

u.m m/s 11
11-1-09

Oleh SAPORA SIPON

DRM-WORLD Institute For Disaster Risk Management adalah sebuah organisasi pelbagai disiplin yang aktif dalam penyelidikan pengurusan risiko bencana. Antara tujuan institut ini ialah melihat kesan bencana ke atas masyarakat dan persekitaran.

Sementara itu, AMITY Universe pula menawarkan kursus pengurusan bencana berbentuk sijil untuk tempoh tiga bulan. Antara perkara yang diajar dalam kursus ini ialah prinsip pengurusan dan risiko bencana. Kursus ini juga mengajar langkah-langkah yang perlu diambil semasa bencana di samping membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan bencana seperti kesihatan persekitaran, sistem perparitan, banjir, kebakaran dan tanah runtuh.

Pengurusan di khemah-khemah perlindungan mangsa bencana dan juga program-program pemulihan bencana juga adalah antara subjek yang diajar.

Antara yang boleh dipelajari daripada dua organisasi di atas ialah mereka mengambil langkah berjaga-jaga dalam menghadapi bencana. Walaupun negara mempunyai program sebegini, mungkin ia patut diperbanyakkan dalam usaha meningkatkan kecakapan pengurusan bencana.

Sesuai yang nyata dan bersifat realiti ialah bencana dalam apa juga bentuk telah mendatangkan kesan mendalam kepada fizikal, mental dan emosi seseorang. Lihat sahajalah banjir yang melanda Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang yang dikatakan mengakibatkan kemusnahan harta benda, infrastruktur, tanaman dan ternakan.

Anggaran kemusnahan menjangkau anggaran awal sehingga dikatakan melenan lebih daripada RM100 juta malah ia turut mengorbankan nyawa manusia.

Johor, negeri paling teruk dilanda ben-

cana alam itu dengan semua lapan daerah ditenggelami air, mencatat kerugian paling besar dan dijangka lebih tinggi jika banjir berlarutan.

Dianggarkan sekolah-sekolah di Johor juga mengalami kerosakan membabitkan kerugian yang besar. Ini memberi kesan kepada pelajar-pelajar yang akan memasuki penggal persekolahan tidak lama lagi.

Kesan bencana melampaui yang diduga. Bencana taufan Katrina contohnya adalah bencana alam yang dikatakan memberi kesan yang sangat besar kepada mangsa dan antara bencana alam terburuk yang pernah dialami oleh Amerika Syarikat.

Tentu sekali, apabila membicarakan mengenai bencana, apa yang terlintas di fikiran ialah kesan bencana tersebut ke atas kehidupan terutama sekali ke atas diri mangsa. Seringkali kita dapat melihat penderitaan yang dialami oleh mangsa bencana.

Kehilangan orang yang tersayang, harta benda dan terpaksa meneruskan kehidupan dalam keadaan yang menyedihkan adalah antara peristiwa hidup yang dialami oleh mangsa bencana.

Bencana memberi kesan ke atas fizikal dan psikososial mangsa. Mangsa ada kalanya juga seperti mendapati diri mereka berada dalam suasana tidak selesa, kekurangan tenaga dan mengalami gangguan fizikal.

Selain itu, jangka masa untuk pemulihan kembali kesan bencana, kekhuatiran peribadi bahawa bencana mungkin akan terjadi lagi, pemindahan ke lokasi baru, pembinaan kembali rumah dan infrastruktur, jagaan kerana sakit atau ahli keluarga yang cedera.

Memandangkan kesan bencana adalah besar, pihak pemerintahan mana-mana negara perlu serius dalam menyediakan pengurusan bencana yang baik.

Pengurusan bencana merupakan satu bidang yang perlu diberi perhatian serius seperti mana yang dilakukan oleh Amity



BENCANA alam memberi kesan ke atas fizikal dan psikososial mangsa.

- Gambar hiasan

Universe menerusi penganjuran kursus-kursus berkaitan dengan pengurusan. Ada baiknya institusi pengajian tinggi dan juga institusi-institusi lain mengambil langkah yang sama memandangkan bencana di negara ini bukanlah sesuatu yang asing.

Banyak faedah yang boleh diperoleh apabila rakyat bersiap bersedia dengan kemahiran, pengetahuan dan latihan amali menghadapi bencana.

Di beberapa negara, bencana dan pengurusan bencana selalu melibatkan beberapa profesion menolong seperti kerja sosial, kaunseling dan psikoterapi.

Bidang kerja sosial dan kaunseling dilihat dapat memainkan peranan yang aktif dan penting dalam pengurusan masalah dan keperluan sama ada sebelum, ketika dan selepas bencana berlangsung.

Institusi pengajian tinggi yang menawarkan program-program kerja sosial dan kaunseling juga boleh memikirkan secara serius untuk menubuhkan pasukan-pasukan yang sentiasa bersedia untuk membantu dalam waktu-waktu kecemasan apa-

bila bencana melanda.

Pasukan-pasukan ini perlu dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan juga amali yang melibatkan pengurusan bencana. Pelajar-pelajar sekolah juga perlu didekahkan dengan ilmu-ilmu berkaitan dengan bencana dan juga bagaimana mengurus diri sebagai persiapan kepada bencana alam.

Kesan buruk bencana taufan Katrina, tsunami di Aceh dan banjir di negara ini mungkin boleh dijadikan satu ingatan kepada negara untuk sentiasa mempertingkatkan organisasi pengurusan bendananya.

Pengurusan bencana pula mesti bermula sejak tahap awal lagi. Ini adalah juga untuk mengelakkan kesan-kesan negatif yang akan timbul akibat bencana tersebut.

Tentu sekali semua pihak berperanan dalam menangani bencana. Lantaran itu, persiapan pengurusan bencana perlu dimantapkan dari pelbagai aspek yang ada. Ini kerana bencana boleh datang dalam pelbagai rupa dan tanpa mengira masa.